

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(B)76

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP
YB ABIDIN BIN ISMAIL**

76. Senaraikan sungai-sungai di Pulau Pinang yang tercemar disebabkan oleh loji kumbahan Indah Water Konsortium (IWK) dan namakan pemaju perumahan yang terlibat.
- (a) Senaraikan tindakan perundangan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri kepada pengendali loji berkenaan.
 - (b) Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk menangani masalah ini?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

76. Berdasarkan Laporan Kualiti Alam Sekeliling 2023, terdapat dua (2) sungai yang mempunyai Indeks Kualiti Air (IKA) kategori tercemar iaitu Sungai Jawi dan Sungai Rambai yang menerima buangan daripada Loji Rawatan Kumbahan. Walau bagaimanapun, Jabatan Alam Sekitar tidak melakukan pengesanan terhadap pemaju perumahan kerana pencemaran sungai ini juga disebabkan oleh pelbagai pelepasan buangan lain.

- (a) Tindakan perundangan yang telah diambil kepada pengendali loji berkenaan adalah seperti:
- (i) Sepanjang tahun 2024, sebanyak empat (4) notis arahan telah dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) kepada pengendali loji di Sungai Rambai dan Sungai Jawi untuk mengemukakan pelaporan *Online Environmental Reporting* (OER) kepada JAS dan pembaikan loji *Standard Precipitation Index* (SPI) 485, 275, 576 dan 515; dan
 - (ii) Satu (1) kompaun dikeluarkan kepada pengendali loji di Sungai Jawi di bawah Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009 berkaitan pematuhan had yang dibenarkan.

Selain itu, JAS juga telah mengenakan kompaun terhadap loji SPI 275 - Lorong Asas Jaya, Kawasan Perindustrian Ringan Asas Jaya, Bukit Minyak, Seberang Perai Tengah atas kesalahan peraturan 5(1), Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009 kerana gagal mengendalikan dan menyenggara sistem pengolahan kumbahan mengikut amalan

kejuruteraan yang baik iaitu meter kadar alir tidak berfungsi semasa siasatan dilakukan.

- (b) Usaha Kerajaan Negeri untuk menangani masalah ini adalah seperti berikut:
 - (i) Kerajaan Negeri melalui JAS melakukan pemantauan berkala terhadap pelepasan kumbahan dari pelbagai sektor termasuk loji kumbahan secara atas talian iaitu OER (Online Environmental Reporting). Bagi mana-mana punca daripada sektor tersebut yang tidak patuh pada had pelepasan yang ditetapkan, JAS akan menghantar notis arahan untuk tindakan segera dan pihak berkenaan perlu melaporkan semula perkembangan tersebut kepada JAS. Sekiranya pihak berkenaan masih gagal untuk patuh arahan, JAS akan mengenakan kompaun dan seterusnya tindakan mahkamah;
 - (ii) Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah menguatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (pindaan 2024) mulai 7 Julai 2024. Pindaan akta ini adalah melibatkan jumlah hukuman denda yang lebih tinggi berbanding denda terdahulu serta pemenjaraan mandatori bagi kesalahan

melibatkan pencemaran air. Hukuman yang dimaksudkan ialah pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi lima (5) tahun dan denda tidak kurang daripada RM 500,000 serta tidak melebihi RM10 juta; dan

- (iii) JAS menjalankan penguatkuasaan berkala terhadap punca-punca yang berpotensi terjadinya pencemaran termasuk pencemaran sungai. JAS turut menjalankan Operasi Mencegah Pencemaran setiap hujung minggu (Sabtu atau Ahad) termasuk cuti umum di kawasan-kawasan *hotspot* dan kawasan yang sering menerima aduan.